

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pembiayaan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU PEMBIAYAAN KENDERAAN-I

Pembiayaan Kenderaan-i ialah pembiayaan bercagar untuk pembelian kenderaan, sama ada baharu, dibaik pulih yang tidak berdaftar, terpakai atau motosikal berkuasa tinggi, dikira berdasarkan kadar tetap bulanan. Anda menawarkan kenderaan anda sebagai jaminan untuk pembiayaan ini.

Kontrak Syariah yang terlibat adalah Murabahah kepada Orang yang Menempah (MPO) yang merujuk kepada kontrak jualan dengan pendedahan harga kos dan keuntungan kepada pelanggan yang menempah kenderaan.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi:

- Amaun pembiayaan anda = **RM100,000.00**
- Ansuran bulanan anda = **RM1,300.84**
- Tempoh pembiayaan anda = **9 tahun**
- Kadar keuntungan = **7.98% setahun**

Keseluruhannya, anda akan membayar sebanyak RM140,490.70 pada akhir 9 tahun.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- I. Duti setem: RM10.00 – Surat Tawaran termasuk Terma dan Syarat.
RM10.00 – Surat Kuasa Wakil.
RM10.00 – Perjanjian Jaminan (jika ada).
- II. Pembatalan kemudahan: Semua kos yang telah ditanggung oleh Bank Islam, jika ada, untuk penyediaan, pendaftaran dokumen sekuriti dan perbelanjaan yang ditanggung semasa proses tuntutan setelah pembatalan kemudahan ini.
- III. Caj lewat bayar: 1% setahun ke atas ansuran tertunggak.
- IV. Fi pendaftaran: Ke atas Surat Kuasa Wakil (jika berkenaan) seperti yang dikenakan dalam dan oleh Mahkamah Tinggi.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan secara penuh selama **9 tahun**. Hubungi kami jika anda berhasrat untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Jika anda berhasrat menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu tahu:

Tiada 'Lock in period' dan Bank Islam akan memberikan Ibra' (rebat) ke atas keuntungan tertanggung setelah penyelesaian penuh dibuat.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

- I. Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi / Ta'widh).
- II. Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- III. Kami boleh **mengambil semula** kenderaan anda dan **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda.
- IV. **Skor kredit** anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- V. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank Islam.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Maklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda.
- Wajib mengambil perlindungan Takaful/ Insurans Motor yang komprehensif (di mana Takaful digalakkan) bagi kenderaan yang dibiayai sepanjang tempoh pembiayaan. Sila ambil maklum bahawa insurans konvensional tidak akan dibiayai oleh Bank Islam.
- Secara pilihan, boleh melanggan:

- i. **Pelan Takaful Pembiayaan Automobil (AFTP)** - perlindungan Takaful dengan jumlah perlindungan apabila berlaku kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) orang yang dilindungi.
 - ii. **Pelan Takaful Kemalangan Diri (PA)** - perlindungan Takaful dengan jumlah perlindungan apabila berlaku kematian atau TPD akibat kemalangan orang yang dilindungi.
- Keperluan untuk penjamin adalah terpakai berdasarkan kes ke kes.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.)

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

Nama:
Tarikh: